



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR BAGI PENTERNAK AYAM PEDAGING DAN AYAM PENELUR

Permohonan dari 28hb Februari 2022 hingga 6hb Jun 2022.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR



**URUSETIA SUBSIDI
UNIT UNGGAS
SEKSYEN BUKAN RUMINAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN
ARAS G, BLOK PODIUM 4G2, WISMA TANI, PRESINT 4
62630 PUTRAJAYA
NO TEL : 0388702466, 2460, 2461 FAKS : 0388702451
EMEL : unitunggashq@gmail.com**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pengenalan	3
Kategori Penternak Yang Terlibat Dalam Pemberian Subsidi	3
Kategori Penternak Yang Tidak Terlibat Dalam Pemberian Subsidi	4
Jumlah Peruntukan Yang Terlibat	5
Kadar Subsidi Untuk Kategori Penternak	5
Tempoh Permohonan	6
Syarat Permohonan	6
Kategori Ladang Untuk Pemberian Subsidi	6
Prosedur Permohonan	7
Semakan Dokumen	9
Pengiraan Subsidi	11
Maklumat Bank Pemohon	12
Jawatan Kuasa Kelulusan Pemberian Subsidi	13
Proses Pembayaran	14
Rayuan	14
Carta Alir Permohonan Subsidi Ayam Dan Telur	15
Penghargaan	40
Perakuan Kelulusan Garis Panduan Pemberian Subsidi	41

LAMPIRAN

Borang Permohonan Subsidi Ayam Ladang Ayam Pedaging (SUB/AD/01)	16
Borang Permohonan Subsidi Telur Ladang Ayam Penelur (SUB/AT/01)	17
Lampiran 1a Maklumat Pemohon Subsidi Ayam	18
Lampiran 1b Maklumat Pemohon Subsidi Telur	19
Lampiran 2a Maklumat Tuntutan Subsidi Ayam	20
Lampiran 2b Maklumat Tuntutan Subsidi Telur	21
Lampiran 3a Rekod Pengeluaran Ayam	22
Lampiran 3b Rekod Pengeluaran Telur	23
Lampiran 4a Maklumat Pelanggan / Pembeli Ayam	24

Lampiran 4b	Maklumat Pelanggan / Pembeli Telur	25
Lampiran 5	Pengesahan Perwakilan Kuasa	26
Lampiran 6	Pengakuan Pemohon	27
Lampiran 7a	Borang Semakan Subsidi Ayam	28
Lampiran 7b	Borang Semakan Subsidi Telur	29
Lampiran 8	Borang Pengesahan Penerimaan Permohonan	30
Lampiran 9a	Borang Pengesahan Permohonan Subsidi Ayam	31
Lampiran 9b	Borang Pengesahan Permohonan Subsidi Telur	32
Lampiran 10	Jadual Penghantaran Dokumen Permohonan Subsidi	33
Lampiran 11	Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan	34
Lampiran 12	Borang Perakuan Kelulusan Subsidi	35
Lampiran 13	Rekod Penghantaran Dokumen Subsidi ke Agrobank	36
Lampiran 14	Jumlah Penternak Ayam Pedaging Mengikut Negeri	37
Lampiran 15	Jumlah Penternak Ayam Penelur Mengikut Negeri	38
Lampiran 16	Pegawai Penyelaras Subsidi Negeri	39

PENGENALAN

1. Pelanjutan tempoh kawalan harga ayam dan telur dari 5hb Februari 2022 hingga 5hb Jun 2022 bagi memastikan harga barangan seperti ayam dan telur dapat dikawal mengikut Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia.
2. Dengan keputusan tersebut, pihak kerajaan juga melihat kepada kesulitan di pihak pengusaha industri ayam dan telur ini kerana mereka juga terbeban dengan kenaikan kos pengeluaran.
3. Oleh itu pihak kerajaan telah bersetuju untuk memberi subsidi kepada pengusaha industri ternakan khususnya penternak bagi menampung kerugian yang ditanggung.
4. Kerajaan telah menetapkan pemberian subsidi pada kadar RM 0.60 per kilogram ayam berasaskan harga ladang RM5.90 dan 5 sen per biji telur bagi sepanjang tempoh kawalan harga.
5. Keputusan ini telah dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 31 Januari 2022, Mesyuarat Task Force MAFI pada 4hb Februari 2022 dan diluluskan oleh Mesyuarat Kabinet pada 9hb Februari 2022.

KATEGORI PENTERNAK YANG TERLIBAT DALAM PEMBERIAN SUBSIDI

6. Terdapat 3 kategori penternak yang terlibat dengan pemberian subsidi;
 - i. **Penternak persendirian.**

Penternak persendirian ialah penternak ayam pedaging yang membeli anak ayam, makanan ayam, memelihara ayam dan menjual ayam dengan menggunakan modal sendiri.

ii. **Penternak Integrator / non integrator.**

Syarikat atau orang perseorangan yang telah mengikat perjanjian dengan penternak ayam. Membekalkan anak ayam dan makanan serta perkhidmatan lain kepada penternak. Membeli semula ayam dari penternak dengan harga yang telah ditetapkan dengan penternak.

iii. **Penternak kontrak.**

Penternak yang telah mengikat perjanjian pemeliharaan ayam dengan syarikat integrator atau orang perseorangan. Mendapat anak ayam dan makanan serta perkhidmatan tambahan dari integrator atau orang perseorangan dan memelihara ayam sehingga tempoh jualan. Menjual ayam kepada syarikat integrator atau orang perseorangan dengan harga yang telah dipersetujui bersama.

KATEGORI PENTERNAK YANG TIDAK TERLIBAT DALAM PEMBERIAN SUBSIDI

7. Penternak yang tidak terlibat dengan pemberian subsidi ialah ;

i. Penternak yang mengeksport ayam dan telur ke luar negara.

ii. Penternak yang tidak menjual ayam hidup untuk pasaran ayam standard dan ayam super.

iii. Penternak yang menjual telur ayam selain dari telur ayam gred A, B dan C.

JUMLAH PERUNTUKAN YANG TERLIBAT

8. Jadual di bawah adalah jumlah peruntukan yang terlibat dengan subsidi.

BIL	KATEGORI	PENGIRAAN SATU (1) PUSINGAN / BULAN	PENGIRAAN EMPAT (4) PUSINGAN / BULAN	JUMLAH SUBSIDI
1	Ayam bulat	[65 juta ekor / pusingan (Semenanjung Malaysia) + 4.76 juta ekor (Sabah / Sarawak)] x RM0.60 x 1.8kg = RM75.34 juta	RM75.34 juta x 4 pusingan = RM301.36 juta	RM301.36 juta
2	Telur	[1 bilion biji / bulan (Semenanjung) + 135.8 juta (Sabah/Sarawak)] x RM0.05 = RM56.79 juta	RM56.79 juta x 4 bulan = RM227.16 juta	RM227.16 juta
	JUMLAH	RM132.13 juta	RM528.52 juta	RM528.52 juta

KADAR SUBSIDI UNTUK KATEGORI PENTERNAK

9. Kadar subsidi untuk penternak persendirian ialah RM0.60/kg merujuk kepada berat ayam 1.8kg/ekor.
10. Kadar subsidi untuk penternak kontrak ialah RM0.30/kg merujuk kepada berat ayam 1.8kg/ekor.
11. Kadar subsidi untuk penternak integrator / non integrator ialah RM0.30/kg merujuk kepada berat ayam 1.8kg/ekor.

TEMPOH PERMOHONAN

12. Permohonan dibuka bermula **28hb Februari 2022, jam 8.00 pagi hingga 6hb Jun 2022, jam 5.00 petang**.
13. Permohonan subsidi merujuk kepada penjualan ayam dan telur pada 5hb Februari 2022 sehingga 5hb Jun 2022 sahaja.

SYARAT PERMOHONAN

14. Berikut adalah syarat-syarat permohonan;
 - i. Penternak hendaklah mempunyai **lesen menternak** ayam yang sah mengikut Enakmen Perladangan Unggas negeri-negeri kecuali Negeri Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan.
 - ii. Penternak hendaklah **berdaftar** dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri bagi negeri Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan.

KATEGORI LADANG UNTUK PEMBERIAN SUBSIDI

15. Kategori ladang untuk pemberian subsidi hanya kepada 2 jenis ladang sahaja;
 - i. Ladang ayam pedaging.
 - ii. Ladang ayam penelur.
16. Ladang ayam pedaging warna, ayam kampung dan lain-lain tidak termasuk dalam pemberian subsidi ini.

PROSEDUR PERMOHONAN

17. Berikut adalah tatacara permohonan subsidi;
 - i. Borang permohonan subsidi boleh diperolehi dari laman web rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, www.dvs.gov.my.
 - ii. Pemohon hendaklah mengisi **Borang Permohonan Subsidi Ayam Ladang Ayam Pedaging (SUB/AD/01)** atau **Borang Permohonan Subsidi Telur Ladang Ayam Penelur (SUB/AT/01)** dengan lengkap sepenuhnya.
 - iii. Pemohon hendaklah penama pada **lesen menternak** yang sah bagi penternak di negeri-negeri selain negeri Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan.
 - iv. Pemohon hendaklah penama yang **berdaftar** dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri bagi negeri Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan.
 - v. Pemohon hendaklah melengkapkan maklumat-maklumat berikut;
 - a. Maklumat pemohon – **Lampiran 1a (ayam), Lampiran 1b (telur)**
 - b. Maklumat tuntutan subsidi ayam – **Lampiran 2a (ayam), Lampiran 2b (telur)**
 - c. Rekod pengeluaran ayam – **Lampiran 3a (ayam), Lampiran 3b (telur)**
 - d. Maklumat pelanggan / pembeli – **Lampiran 4a (ayam). Lampiran 4b (telur)**
 - e. Pengesahan perwakilan kuasa – **Lampiran 5** (bagi wakil)
 - f. Pengakuan pemohon – **Lampiran 6**
 - g. Salinan kad pengenalan pemohon.
 - h. Salinan lesen / ID Pendaftaran Ladang.

- i. Salinan kontrak integrator – penternak kontrak (jika integrator atau penternak kontrak).
 - j. Maklumat akaun bank.
 - k. Delivery order pembelian anak ayam bagi pengeluaran yang jatuh pada 5hb Februari 2022 sehingga 5hb Jun 2022.
 - l. Invoice jualan ayam hidup bagi pengeluaran yang jatuh pada 5hb Februari 2022 sehingga 5hb Jun 2022.
 - m. Dokumen-dokumen tambahan (sekiranya ada) bagi membuktikan jualan ayam dan telur berlaku dalam tempoh 5hb Februari 2022 sehingga 5hb Jun 2022.
- vi. Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan yang telah disahkan benar (jika bukan dokumen asal) oleh mana-mana pegawai kerajaan (Pengurusan dan Profesional) atau Jaksa Pendamai, Ketua Kampung atau *company secretary* atau pesuruhjaya sumpah.
- vii. Borang dan dokumen-dokumen permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah atau Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang mana ladang terletak di dalam negeri berkenaan.
- viii. Borang dan dokumen permohonan yang dihantar ke negeri yang berlainan akan ditolak.
- ix. Waktu penghantaran borang dan dokumen permohonan adalah waktu bekerja seperti berikut;
- a. Bagi negeri-negeri yang cuti hari minggu Sabtu dan Ahad;

Isnin hingga Khamis
8.00 pagi hingga 1.00 petang
2.00 petang hingga 5.00 petang

Jumaat

8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

3.00 petang hingga 5.00 petang

- b. Bagi negeri-negeri yang cuti hari minggu Jumaat dan Sabtu;

Ahad hingga Rabu

8.00 pagi hingga 1.00 petang

2.00 petang hingga 5.00 petang

Khamis

8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

2.00 petang hingga 4.00 petang

- x. Penghantaran borang dan dokumen permohonan di luar waktu pejabat tidak akan diterima.
- xi. Pemohon hendaklah memastikan borang permohonan diisi sepenuhnya dan tidak meninggalkan mana-mana ruang kosong. Jika terdapat ruang di dalam borang permohonan tidak diisi, maka permohonan tersebut dianggap tidak lengkap.
- xii. Permohonan yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan ditolak dan keputusan penolakan adalah muktamad.
- xiii. Jika dalam tempoh 60 hari pemohon tidak menerima sebarang jawapan berkenaan permohonan tersebut, permohonan dianggap gagal.

SEMAKAN DOKUMEN

- 18. Borang yang telah dihantar oleh pemohon hendaklah disemak dan diteliti oleh pegawai di Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri menggunakan Borang Semakan di **Lampiran 7a (Ayam)** dan **Lampiran 7b (telur)**.

19. Jika permohonan tersebut tidak lengkap, borang dan dokumen permohonan boleh dikembalikan semula kepada pemohon bagi memberi peluang kepada pemohon untuk menghantar semula permohonan sebelum tarikh tutup permohonan iaitu pada 6hb Jun 2022 jam 5.00 petang.
20. Bagi borang dan dokumen permohonan yang telah diterima lengkap, maka pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri yang menerima borang tersebut hendaklah “cop terima” tarikh terima pada borang permohonan tersebut.
21. Bagi permohonan yang telah lengkap, pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri hendaklah menyerahkan Borang Pengesahan Penerimaan Permohonan seperti di **Lampiran 8** kepada pemohon sebaik sahaja semakan telah selesai.
22. Pegawai Penyelaras Subsidi di Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri akan membuat semakan kedua ke atas semua borang, dokumen permohonan dan butiran-butiran dalam permohonan.
23. Jika terdapat keraguan di dalam borang dan dokumen permohonan, pihak pemohon boleh dihubungi untuk menyediakan semula maklumat dengan betul.
24. Jika semua borang, dokumen permohonan dan butiran-butiran permohonan telah didapati betul, pegawai Penyelaras Subsidi negeri hendaklah mengisi Borang Pengesahan Permohonan Subsidi seperti di **Lampiran 9a (Ayam)** dan **Lampiran 9b (telur)**.
25. Borang Pengesahan Permohonan Subsidi hendaklah ditandatangani oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri.
26. Borang Pengesahan Permohonan Subsidi yang telah lengkap, bersama semua dokumen-dokumen permohonan hendaklah dihantar kepada Urusetia Subsidi di Bahagian Pembangunan Industri Ternakan (BPIT), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya dengan segera.

27. Jadual penghantaran semua dokumen permohonan subsidi ada di **Lampiran 10**.
28. Urusetia Subsidi hendaklah 'cop terima' tarikh penerimaan semua Borang Pengesahan Permohonan Subsidi yang diterima dari negeri.
29. Urusetia Subsidi hendaklah mengatur mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi mengikut jadual seperti di **Lampiran 11**.

PENGIRAAN SUBSIDI

30. Pengiraan merujuk kepada berat ayam 1.8kg/ekor bagi ayam dan jumlah biji bagi telur.
31. Pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri hendaklah menyemak bilangan ayam yang ditunjukkan dalam Maklumat Tuntutan Subsidi Ayam (**Lampiran 2a**) dan Maklumat Tuntutan Subsidi Telur (**Lampiran 2b**).
32. Jumlah yang dituntut hendaklah selari dengan jumlah yang tertera di dalam dokumen invois penjualan ayam/telur.
33. Pengiraan bagi subsidi ayam;

Sebagai contohnya jumlah ayam yang dicatat di dalam borang Maklumat Tuntutan Subsidi Ayam sebanyak 10,000 ekor dan beratnya sebanyak 22,000 kg. Di dalam mana-mana dokumen yang dilampirkan bersama terdapat bukti jumlah jualan sebanyak 10,000 ekor dengan berat sebanyak 22,000kg. kadar ini menunjukkan bahawa berat purata ayam ialah 2.2kg/ekor ($22,000\text{kg} \div 10,000 \text{ekor} = 2.2\text{kg/ekor}$).

Pemberian subsidi hanya untuk berat 1.8kg/ekor sahaja. Maka, kiraannya ialah $10,000 \times 1.8\text{kg} = 18,000\text{kg}$. Kadar subsidi (bagi penternak persendirian ialah RM0.60/kg. Maka jumlah subsidi yang diterima ialah $18,000\text{kg} \times \text{RM}0.60/\text{kg} = \text{RM}10,800.00$.

Jika jumlah berat 10,000 ekor ayam tadi 15,000kg. Maka kiraannya merujuk kepada $15,000\text{kg} \times \text{Rm}0.60/\text{kg} = \text{RM}9,000.00$. Ini kerana purata berat ayam lebih rendah dari 1.8kg/ekor (berat subsidi).

Jika melibatkan penternak kontrak dan integrator, kadar subsidi sebanyak RM0.30/kg. Maka kiraan bagi 10,000 ekor dengan berat 1.8kg/ekor ialah $10,000 \times 1.8\text{kg} \times \text{RM}0.30 = \text{RM}5,400.00$.

34. Pengiraan bagi subsidi telur ayam;

Sebagai contoh, jumlah telur gred A, B dan C ialah sebanyak 20,000 biji. Kadar subsidi telur sebanyak RM0.05 sebiji. Maka kiraan subsidi ialah $20,000 \text{ biji} \times \text{RM}0.05 = \text{RM}1,000.00$.

35. Jumlah subsidi ini hendaklah dicatatkan di dalam Borang Semakan Subsidi Ayam (**Lampiran 7a**) untuk subsidi ayam dan Borang Semakan Subsidi Telur (**Lampiran 7b**) bagi subsidi telur.

MAKLUMAT BANK PEMOHON

36. Pemohon hendaklah memastikan maklumat bank dan nombor akaun disertakan bersama permohonan ini.

37. Pemohon boleh menggunakan mana-mana bank tempatan dalam negara.

38. Pemohon juga digalakkan menggunakan akaun Agrobank (jika ada).

39. Bagi memastikan tidak ada kesulitan berlaku semasa penyaluran subsidi ke akaun pemohon, pemohon hendaklah mengemukakan sesalinan maklumat nombor akaun dan bank yang terbabit dengan jelas.
40. Pengesahan nombor akaun oleh bank adalah digalakkan.

JAWATAN KUASA KELULUSAN PEMBERIAN SUBSIDI

41. Senarai Ahli Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi adalah seperti berikut;
 - i. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
 - ii. Timbalan Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan)
 - iii. Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan atau wakil
 - iv. Setiausaha Bahagian ITTP, MAFI atau wakil
 - v. Setiausaha Bahagian BDI, MAFI atau wakil
 - vi. Wakil dari Agrobank
 - vii. Pegawai Penyelaras Subsidi dari DVS Negeri
42. Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan bertindak sebagai pengerusi mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi.
43. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) akan bertindak sebagai pengerusi sekiranya ketiadaan Ketua Pengarah.
44. Korum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi ialah 4 orang sahaja.
45. Peranan Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi ini adalah menilai, memperakukan dan meluluskan jumlah subsidi, mengesyorkan penambahbaikan pelaksanaan subsidi dan menilai impak subsidi kepada pengeluaran dan bekalan.

46. Urusetia subsidi di peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya ialah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan.


PROSES PEMBAYARAN

47. Urusetia Subsidi di Putrajaya hendaklah menyediakan Borang Perakuan Kelulusan Subsidi seperti **Lampiran 12** sebaik selesai mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi.
48. Borang Perakuan Kelulusan Subsidi yang telah lengkap dan ditandatangani oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan dihantar ke Agrobank dengan segera.
49. Urusetia Subsidi hendaklah merekod penghantaran Borang Perakuan Kelulusan Subsidi ke Agrobank dengan menggunakan rekod seperti di **Lampiran 13**.
50. Agrobank hendaklah membuat pembayaran dengan kadar segera dalam tempoh 48 jam dari penerimaan Borang Perakuan Kelulusan Subsidi.

RAYUAN

51. Urusetia subsidi akan memaklumkan kepada pemohon yang gagal dalam permohonan mereka melalui emel.
52. Pemohon boleh membuat rayuan dengan menulis surat kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan surat rayuan hendaklah sampai ke pejabat Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebelum 6hb Jun 2022.
53. Urusetia akan membawa semula permohonan terbabit ke Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi untuk pertimbangan semula.

CARTA ALIR PERMOHONAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR





**BORANG PERMOHONAN SUBSIDI AYAM
LADANG AYAM PEDAGING**

Kepada;

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri _____

PERMOHONAN SUBSIDI BAGI PENGELUARAN AYAM BAGI LADANG AYAM PEDAGING

Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen bagi permohonan mendapatkan subsidi pengeluaran ayam.

BIL	DOKUMEN PERMOHONAN	TANDAKAN (v)	SEMAKAN PEJABAT
1	Borang Permohonan Subsidi Ayam (Borang SUB/AD 01)		
2	Maklumat pemohon (Lampiran 1a)		
3	Maklumat tuntutan subsidi (Lampiran 2a)		
4	Rekod Pengeluaran Ayam (Lampiran 3a)		
5	Rekod pelanggan / pembeli (Lampiran 4a)		
6	Surat perwakilan kuasa syarikat (Lampiran 5)		
7	Pengakuan pemohon (Lampiran 6)		
8	Salinan kad pengenalan pemohon		
9	Salinan lesen menternak ayam (kecuali Kelantan, Terengganu dan Labuan)		
10	Maklumat akaun bank		
11	Dokumen pembelian anak ayam		
12	Dokumen inbois penjualan ayam hidup		

Tandatangan :

Nama pemohon :

Tarikh permohonan :

**BORANG PERMOHONAN SUBSIDI TELUR
LADANG AYAM PENELUR**



Kepada;

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri _____

PERMOHONAN SUBSIDI BAGI PENGELUARAN AYAM BAGI LADANG AYAM PENELUR

Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen bagi permohonan mendapatkan subsidi pengeluaran telur ayam.

BIL	DOKUMEN PERMOHONAN	TANDAKAN (v)	SEMAKAN PEJABAT
1	Borang Permohonan Subsidi Telur (Borang SUB/AT 01)		
2	Maklumat pemohon (Lampiran 1b)		
3	Maklumat tuntutan subsidi (Lampiran 2b)		
4	Rekod pengeluaran telur (Lampiran 3b)		
5	Rekod pelanggan / pembeli (Lampiran 4b)		
6	Surat perwakilan kuasa syarikat (Lampiran 5)		
7	Pengakuan pemohon (Lampiran 6)		
8	Salinan kad pengenalan pemohon		
9	Salinan lesen menternak ayam (kecuali Kelantan, Terengganu, dan W.P Labuan)		
10	Maklumat akaun bank		
11	Dokumen pembelian anak ayam		
12	Dokumen inbois penjualan ayam hidup		

Tandatangan :

Nama pemohon :

Tarikh permohonan :

MAKLUMAT PEMOHON

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

BANGSA :

ALAMAT SURAT – MENYURAT :

NO. TELEFON PEJABAT :

NO. TELEFON BIMBIT :

EMEL :

NAMA SYARIKAT :

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT :

ALAMAT SYARIKAT :

NAMA LADANG :

ID PREMIS :

NO. LESEN :

ALAMAT LADANG :

JUMLAH REBAN : _____ buah.

KATEGORI PENTERNAK (Pilih satu sahaja)

a) Persendirian

b) Integrator/ Non- integrator

c) Kontrak

Nyatakan integrator : _____

KAPASITI LADANG : _____ ekor ayam

POPULASI SEMASA : _____ ekor ayam

BILANGAN PEKERJA TEMPATAN : _____ orang

BILANGAN PEKERJA ASING : _____ orang

BILANGAN REBAN TERTUTUP : _____ buah

BILANGAN REBAN TERBUKA : _____ buah

MAKLUMAT PEMOHON

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

BANGSA :

ALAMAT SURAT – MENYURAT :

NO. TELEFON PEJABAT :

NO. TELEFON BIMBIT :

EMEL :

NAMA SYARIKAT :

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT :

ALAMAT SYARIKAT :

NAMA LADANG :

ID PREMIS :

NO. LESEN :

ALAMAT LADANG :

JUMLAH REBAN : _____ buah.

KAPASITI LADANG : _____ ekor ayam

POPULASI SEMASA : _____ ekor ayam

BILANGAN PEKERJA TEMPATAN : _____ orang

BILANGAN PEKERJA ASING : _____ orang

BILANGAN REBAN TERTUTUP : _____ buah

BILANGAN REBAN TERBUKA : _____ buah

MAKLUMAT TUNTUTAN SUBSIDI

BIL.	NO. REBAN	TARIKH MASUK ANAK AYAM	JUMLAH ANAK AYAM	TARIKH AYAM DIJUAL	JUMLAH AYAM DIJUAL	JUMLAH BERAT AYAM DIJUAL
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						
8						
9						
10						
	JUMLAH					

Tandatangan pemohon :

Nama pemohon :

MAKLUMAT TUNTUTAN SUBSIDI

BIL.	NO. REBAN	TARIKH MASUK ANAK AYAM	JUMLAH AYAM PENELUR (EKOR)	UMUR AYAM PENELUR (SEMASA)	TARIKH KUTIPAN TELUR	JUMLAH KUTIPAN TELUR SEMUA GRED	JUMLAH KUTIPAN TELUR BAGI GRED A, B DAN C
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							
	JUMLAH						

Tandatangan pemohon :

Nama pemohon :

REKOD PENGELUARAN AYAM

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN AYAM (EKOR)	JUMLAH BERAT JUALAN (KG)	HARGA JUALAN AYAM (RM/KG)	JUMLAH AYAM YANG DIEKSPORT KE LUAR NEGARA
JANUARI, 2021				
FEBRUARI, 2021				
MAC, 2021				
APRIL, 2021				
MEI, 2021				
JUN, 2021				
JULAI, 2021				
OGOS, 2021				
SEPTEMBER, 2021				
OKTOBER, 2021				
NOVEMBER, 2021				
DISEMBER, 2021				
JANUARI, 2022				
FEBRUARI, 2022				
MAC, 2022				
APRIL, 2022				
MEI, 2022				
JUN, 2022				

Sila lampirkan bukti penjualan (bagi bulan-bulan tuntutan sahaja)

REKOD PENGELUARAN TELUR

BULAN	JUMLAH PENGELUARAN TELUR AYAM (BIJI)	JUMLAH TELUR YANG DIJUAL SEBAGAI TELUR SAJIAN (BIJI)	JUMLAH TELUR YANG DIEKSPORT KE LUAR NEGARA (BIJI)
JANUARI, 2021			
FEBRUARI, 2021			
MAC, 2021			
APRIL, 2021			
MEI, 2021			
JUN, 2021			
JULAI, 2021			
OGOS, 2021			
SEPTEMBER, 2021			
OKTOBER, 2021			
NOVEMBER, 2021			
DISEMBER, 2021			
JANUARI, 2022			
FEBRUARI, 2022			
MAC, 2022			
APRIL, 2022			
MEI, 2022			
JUN, 2022			

Sila lampirkan bukti penjualan (bagi bulan-bulan tuntutan sahaja)

MAKLUMAT PELANGGAN / PEMBELI AYAM

BIL	TARIKH JUALAN	JUMLAH AYAM JUALAN (EKOR)	JUMLAH BERAT AYAM JUALAN (KG)	MAKLUMAT PELANGGAN / PEMBELI

Sila lampirkan bukti jualan bagi transaksi di atas (untuk tuntutan sahaja)

MAKLUMAT PELANGGAN / PEMBELI TELUR

BIL	TARIKH JUALAN	JUMLAH TELUR JUALAN (BIJI)	HARGA TELUR JUALAN SEMUA GRED (RM)	MAKLUMAT PELANGGAN / PEMBELI

Sila lampirkan bukti jualan bagi transaksi di atas (untuk tuntutan sahaja)

PENGESAHAN PERWAKILAN KUASA

Saya _____, no kad pengenalan _____
adalah pemilik / pemegang lesen (enakmen perladangan unggas) no _____, mengaku
bahawa penama berikut _____, no kad pengenalan
_____, adalah *wakil saya / kakitangan syarikat dan saya memberi kuasa
kepadanya untuk membuat permohonan subsidi bagi syarikat saya / diri saya.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

**** potong yang tidak berkenaan***

PENGAKUAN PEMOHON

- a. Saya _____, no kad pengenalan _____ dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah **BENAR** dan saya bersetuju sekiranya maklumat tersebut didapati tidak benar, permohonan saya ini akan ditolak.
- b. Saya juga faham sekiranya saya memberi atau menggunakan apa-apa dokumen yang mengandungi maklumat atau butiran yang palsu dan silap dengan niat untuk memperdayakan bagi kepentingan atau keuntungan peribadi, saya boleh didakwa di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang mana disabitkan oleh Mahkamah, saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan denda lima (5) kali nilai suapan / nilai pemalsuan atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi; dan
- c. Sekiranya saya menipu atau menggunakan apa-apa dokumen dengan niat menipu, saya boleh didakwa di bawah Seksyen 420 dan 428 Kanun Keseksaan yang mana boleh disabitkan saya boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu (1) tahun dan tidak melebihi sepuluh (10) tahun serta denda (Seksyen 420) dan tidak melebihi tujuh (7) dan denda (Seksyen 468) akan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu berdasarkan Akta SPRM.

Tandatangan pemohon :

Nama pemohon :

Tarikh :



BORANG SEMAKAN (AYAM)

NO RUJUKAN PEMOHON :

TARIKH TERIMA PERMOHONAN :

Senarai semak dokumen permohonan subsidi ayam;

BIL	DOKUMEN PERMOHONAN	TANDAKAN /
1	Borang Permohonan Subsidi Ayam (Borang SUB/AD 01)	
2	Maklumat pemohon (Lampiran 1)	
3	Maklumat tuntutan subsidi (Lampiran 2)	
4	Rekod Pengeluaran Ayam (Lampiran 3)	
5	Rekod pelanggan / pembeli (Lampiran 4)	
6	Surat perwakilan kuasa syarikat (Lampiran 5)	
7	Pengakuan pemohon (Lampiran 6)	
8	Salinan kad pengenalan pemohon	
9	Salinan lesen menternak ayam (kecuali Kelantan, Terengganu dan Labuan)	
10	Maklumat akaun bank	
11	Dokumen pembelian anak ayam	
12	Dokumen inbois penjualan ayam hidup	
13	Resit-resit jualan (jika ada)	

Dengan ini disahkan permohonan LENGKAP / TIDAK LENGKAP.

Kadar pemberian subsidi : _____

Tandatangan pegawai :

Jumlah berat ayam : _____

Nama pegawai :

Jumlah subsidi : **RM** _____

Cop rasmi :

Tarikh :

*** potong yang tidak berkenaan**

BORANG SEMAKAN (TELUR)

NO RUJUKAN PEMOHON :

TARIKH TERIMA PERMOHONAN :

Senarai semak dokumen permohonan subsidi ayam;

BIL	DOKUMEN PERMOHONAN	TANDAKAN /
1	Borang Permohonan Subsidi Telur (Borang SUB/T 01)	
2	Maklumat pemohon (Lampiran 1)	
3	Maklumat tuntutan subsidi (Lampiran 2)	
4	Rekod Pengeluaran Telur (Lampiran 3)	
5	Rekod pelanggan / pembeli (Lampiran 4)	
6	Surat perwakilan kuasa syarikat (Lampiran 5)	
7	Pengakuan pemohon (Lampiran 6)	
8	Salinan kad pengenalan pemohon	
9	Salinan lesen menternak ayam (kecuali Kelantan, Terengganu dan Labuan)	
10	Maklumat akaun bank	
11	Dokumen pembelian anak ayam	
12	Dokumen inbois penjualan telur	

Dengan ini disahkan permohonan *LENGKAP / TIDAK LENGKAP.

Kadar pemberian subsidi : _____

Tandatangan pegawai :

Jumlah telur gred A, B dan C : _____

Nama pegawai :

Jumlah subsidi : **RM** _____

Cop rasmi :

Tarikh :

*** potong yang tidak berkenaan**

BORANG PENGESAHAN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN

Tarikh permohonan :

No rujukan pemohon :

Tandatangan pegawai :

Cop pejabat :

Nama pegawai :

No telefon :

Sila gunakan no rujukan pemohon apabila berurusan dengan pejabat.



DIKEMBALIKAN KEPADA PEMOHON SETELAH PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN

Tarikh permohonan :

No rujukan pemohon :

Tandatangan pegawai :

Cop pejabat :

Nama pegawai :

No telefon :

Sila gunakan no rujukan pemohon apabila berurusan dengan pejabat.



DIKEMBALIKAN KEPADA PEMOHON SETELAH PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN

Tarikh permohonan :

No rujukan pemohon :

Tandatangan pegawai :

Cop pejabat :

Nama pegawai :

No telefon :

Sila gunakan no rujukan pemohon apabila berurusan dengan pejabat.

BORANG PENGESAHAN PERMOHONAN SUBSIDI AYAM

NEGERI :

BIL	NAMA PEMOHON	NO KAD PENGENALAN	NAMA SYARIKAT	KATEGORI PENTERNAK	EMEL	JUMLAH AYAM YANG DIJUAL (EKOR)	JUMLAH BERAT AYAM YANG DIJUAL (KG)	JUMLAH SUBSIDI YANG DITUNTUT (RM)	NAMA BANK DAN NO AKAUN BANK	NO RUJUKAN PERMOHONAN

Dengan ini disahkan bahawa pihak kami telah menyemak semua dokumen permohonan dan diangkat ke Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi Ayam / Telur di Putrajaya.

Tandatangan Pengarah

Tarikh :

Cop rasmi :

BORANG PENGESAHAN PERMOHONAN SUBSIDI TELUR

NEGERI :

BIL	NAMA PEMOHON	NO KAD PENGENALAN	NAMA SYARIKAT	EMEL	JUMLAH TELUR YANG DIJUAL (BIJI)	JUMLAH SUBSIDI YANG DITUNTUT (RM)	NAMA BANK DAN NO AKAUN BANK	NO RUJUKAN PERMOHONAN

Dengan ini disahkan bahawa pihak kami telah menyemak semua dokumen permohonan dan diangkat ke Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi Ayam / Telur di Putrajaya.

Tandatangan Pengarah

Tarikh :

Cop rasmi :

JADUAL PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN SUBSIDI KE PUTRAJAYA

BIL	TARIKH PENERIMAAN BORANG DARI PEMOHON	TARIKH PENGHANTARAN BORANG KE PUTRAJAYA
1	28hb Februari – 10hb Mac	14hb Mac 2022 (Isnin)
2	11hb Mac – 24hb Mac	28hb Mac 2022 (Isnin)
3	25hb Mac – 8hb April	11hb April 2022 (Isnin)
4	9hb April – 22hb April	25hb April 2022 (Isnin)
5	23hb April – 6hb Mei	9hb Mei 2022 (Isnin)
6	7hb Mei – 20hb Mei	23hb Mei 2022 (Isnin)
7	21hb Mei – 6hb Jun	7hb Jun 2022 (Selasa)

**JADUAL MESYUARAT JAWATANKUASA KELULUSAN PEMBERIAN SUBSIDI
AYAM DAN TELUR**

TARIKH

1. 17hb Mac 2022 (Khamis)
2. 31hb Mac 2022 (Khamis)
3. 14hb April 2022 (Khamis)
4. 28hb April 2022 (Khamis)
5. 12hb Mei 2022 (Khamis)
6. 26hb Mei 2022 (Khamis)
7. 9hb Jun 2022 (Khamis)

BORANG PERAKUAN KELULUSAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR

BIL	NAMA PEMOHON	NO KAD PENGENALAN	NAMA SYARIKAT	EMEL	NO TELEFON	KATEGORI (AYAM / TELUR)	JUMLAH SUBSIDI YANG DILULUSKAN (RM)	NAMA BANK DAN NO AKAUN	NO RUJUKAN PERMOHONAN

Dengan ini disahkan bahawa senarai permohonan diatas telah **DILULUSKAN** oleh Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Subsidi Ayam dan Telur pada _____.

Tandatangan Ketua Pengarah

Tarikh :

Cop rasmi :

LAMPIRAN 14**JUMLAH PENTERNAK AYAM PEDAGING MENGIKUT NEGERI**

BIL	NEGERI	JUMLAH PENTERNAK
1	JOHOR	319
2	KEDAH	245
3	KELANTAN	175
4	MELAKA	56
5	NEGERI SEMBILAN	150
6	PAHANG	195
7	PERAK	209
8	PERLIS	8
9	PULAU PINANG	54
10	SELANGOR	216
11	TERENGGANU	108
12	LABUAN	4
13	SABAH	120
14	SARAWAK	202
	JUMLAH	2,061

LAMPIRAN 15**JUMLAH PENTERNAK AYAM PENELUR MENGIKUT NEGERI**

BIL	NEGERI	JUMLAH PENTERNAK
1	JOHOR	22
2	KEDAH	7
3	KELANTAN	-
4	MELAKA	8
5	NEGERI SEMBILAN	8
6	PAHANG	9
7	PERAK	23
8	PERLIS	-
9	PULAU PINANG	43
10	SELANGOR	17
11	TERENGGANU	-
12	LABUAN	2
13	SABAH	12
14	SARAWAK	43
	JUMLAH	194

**PEGAWAI PENYELARAS SUBSIDI
DI PERINGKAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI**

BIL	NEGERI	NAMA PENYELARAS
1	PERLIS	Dr Madiha Bt Mohd Zin Puan Hazulia Hana Bt Hasan
2	KEDAH	Puan Siti Nurhidayah Kamalina Bt Abdullah Puan Wan Shazmiza Bt Wan Ishak
3	PULAU PINANG	Dr Azhar Bin Herudin Puan Ruzima Bt Ahmad
4	PERAK	Dr Yusmalia Binti Mohamad Yusof Tengku Khairol Bin Tengku Zabit
5	SELANGOR	Puan Nur Faezah Binti Mohd Anif Puan Nor Binti Abu Samah
6	NEGERI SEMBILAN	Puan Hasnita Bt Mohd Shuib Puan Fariza Bt Fauzi
7	MELAKA	Dr Tuan Ajmal Bt Tuan Kamaluddin En Norazame Bin Baba
8	JOHOR	Dr Nurul Shakira Binti Mohd Noh Dr Norshazmira Bt Salleh
9	PAHANG	Dr Hamdan Bin Muhamed Hadi En Abdul Rahman Bin Hassan
10	TERENGGANU	Dr Wan A'aidah Bt Wan Hashim Puan Munirah Bt Abd Rahman
11	KELANTAN	Dr Nur Anisa Bt Abu Bakar En Azmi Bin Mahmud
12	SABAH	Dr Robert Paulis Dr Axie Minora Sikinor
13	SARAWAK	Dr Sajem Jinim Puan Norizawati Bt Muhamad Nur
14	WP LABUAN	Dr Siti Nurhani Bt Arib Puan Asverrana Bt Asidi

PENGHARGAAN

Pihak urusetia ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, **Dato' Dr Norlizan bin Mohd Nor**, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan (BPIT) **Dr Mohd Termizi bin Ghazali** dan Ketua Seksyen Bukan Ruminan, **Dr Norhaliza binti Abdul Halim** di atas sokongan dan bimbingan yang diberikan.

Terima kasih juga kepada semua Pengarah-pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri atas kerjasama erat dalam menjayakan perancangan untuk pemberian subsidi.

Tidak ketinggalan, terima kasih kepada Setiausaha Bahagian (SUB) ITTP MAFI, **En Mazlan bin Othman**, Timbalan SUB ITTP (Ternakan), **En Khairuzaki bin Paiman** dan **Puan Ainul Maria binti Abu Bakar** (ITTP MAFI) yang turut sama terlibat dalam memberi bimbingan bagi penyediaan garis panduan ini.

Terimakasih kepada semua pihak yang secara langsung dan tidak langsung membantu menyediakan Garis Panduan Pemberian Subsidi Ayam dan Telur bagi tahun 2022 ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua staf Unit Unggas yang sentiasa bertungkus lumus membantu menyediakan GP ini.

Urusetia Subsidi

Dr Mohd Hishammfariz bin Mohd Amin

Dr Shamizah binti Omar Hisham

Puan Elva Susanti binti Mohamed

Puan Nurizan binti Yahaya

En Abdul Muis bin Mat Piah

KELULUSAN GARIS PANDUAN PEMBERIAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR

SOKONGAN PENGARAH KANAN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

* SOKONG / TIDAK SOKONG

Ulasan :

Tandatangan Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Industri Ternakan (BPIT)
Tarikh :

KELULUSAN KETUA PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

* LULUS / TIDAK LULUS

Ulasan :

Tandatangan Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Putrajaya.
Tarikh :